



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	19/9/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Harimau kumbang masih berkeliaran

KUALA TERENGGANU - Harimau kumbang yang dilaporkan berkeliaran di Taman Harmoni dekat Al Muktafi Billah Shah, Dungun sejak dua minggu lalu masih berkeliaran dan belum berjaya ditangkap.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr Abdul Malik Mohd Yusof berkata, pihaknya telah memasang perangkap harimau di sekitar kawasan itu kelmarin dan terus melakukan pemantauan.

“Selagi harimau itu belum masuk perangkap, kita nasihatkan penduduk terus berhati-hati dengan pergerakan mereka serta mengelak berada di luar rumah sekiranya tiada perkara yang mustahak.

“Paling penting penduduk perlu melaporkan segera kepada Perhilitan sekiranya ada terlihat harimau itu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, ini adalah aduan pertama diterima pihaknya mengenai harimau di kawasan perumahan setelah kemunculan dua ekor harimau di Kampung Besul Lama, Bukit Besi di Dungun dua bulan lalu.

Semalam media melaporkan kebimbangan penduduk di taman perumahan itu kerana sering melihat harimau kumbang di sekitar rumah mereka sejak dua minggu lalu.

Harimau kumbang pula di Dungun

Kelibat harimau itu berkeliaran sejak dua minggu lalu

Jika dua bulan lepas, seekor harimau kumbang ditangkap dengan berjaya di kawasan Taman Harmoni dekat Al Muktafi Billah Shah di Dungun, dua harimau kumbang pula dilihat berjingap-jingap di kawasan itu yang pernah berkecambah pada 19 Julai lalu.



Harimau kumbang dilihat berjingap-jingap di kawasan Taman Harmoni dekat Al Muktafi Billah Shah di Dungun, dua harimau kumbang pula dilihat berjingap-jingap di kawasan itu yang pernah berkecambah pada 19 Julai lalu.

Harimau kumbang itu, Pengarah Perhilitan Terengganu, Dr Abdul Malik Mohd Yusof berkata, pihaknya telah memasang perangkap harimau di sekitar kawasan itu kelmarin dan terus melakukan pemantauan. “Selagi harimau itu belum masuk perangkap, kita nasihatkan penduduk terus berhati-hati dengan pergerakan mereka serta mengelak berada di luar rumah sekiranya tiada perkara yang mustahak.

Keratan Sinar Harian semalam.

Selagi harimau itu belum masuk perangkap, kita nasihatkan penduduk terus berhati-hati dengan pergerakan mereka serta mengelak berada di luar rumah sekiranya tiada perkara yang mustahak.

- Dr Abdul Malik

Pada 19 Julai lalu, seekor harimau daripada spesies Malaya yang dianggarkan seberat 130 kilogram berjaya ditangkap kira-kira jam 3.30 petang selepas ditembak menggunakan ubat pelali.

Haiwan yang dianggarkan berusia lima tahun itu ditangkap ketika sedang berehat di kawasan belukar sekitar 500 meter dari jalan utama Kampung Besul Lama.

Bagaimanapun, harimau itu dilaporkan mati pada 23 Julai lalu ketika berada dalam rawatan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar di Sungkai, Perak. - Bernama